

# PBS dapat bantuan asing: PM

BM 19 OCT 1990

KOTA BHARU, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mendedahkan bahawa Parti Bersatu Sabah (PBS) mendapat bantuan kewangan daripada pihak tertentu di luar negara.

Bagaimanapun, beliau enggan menyebut nama badan yang memberi bantuan kepada parti itu.

Menjawab soalan pemberita mengenai kemungkinan PBS mendapat bantuan kewangan dari luar negara, beliau berkata:

"Bukan kemungkinan...kita tahu dia memang dapat bantuan dari luar negara, tetapi kita tidak mahu sebut."

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan mengambil tindakan terhadap parti pembangkang yang mendapat bantuan dan sokongan badan luar negara.

"Sekarang PBS sudah terkenal sebagai parti yang amat kaya dan akan beri bantuan kepada APU. Dari sekarang saya percaya mereka akan

mewah," katanya dalam sidang akhbar selepas menemui calon dan pekerja pilihanraya Umno negeri di sini, hari ini.

Presiden Umno itu juga berkata, Barisan Nasional akan 'menyerang' habis-habisan kerusi yang ditandingi PBS melalui calon Bebas dan Akar dalam pilihanraya umum hujung minggu ini.

Beliau berkata, calon berkenaan akan diberi bantuan oleh BN bagi menentang calon PBS.

"Kita memang kluatir mengenai kerusi yang ditandingi PBS dan kita sedar kerusi Usno juga ditandingi PBS menerusi calon Bebas mereka.

"Tetapi kita yakin walaupun ada calon Bebas, Usno akan dapat pertahan enam kerusi yang ditandinginya," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pihaknya juga akan memberi penjelasan kepada rakyat Sabah mengenai tindakan Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang akan merugikan mereka.